



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 8/2009**

**Pembatalan Catatan Persetujuan Pemegang Gadaian Di Dalam  
Dokumen Hakmilik Daftar Di Bawah Subseksyen 204GA(1a)  
Kanun Tanah Negara**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



## **Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 8/2009**

### **Pembatalan Catatan Persetujuan Pemegang Gadaian Di Dalam Dokumen Hakmilik Daftar Di Bawah Subseksyen 204GA(1A) Kanun Tanah Negara**

#### **Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai pembatalan catatan persetujuan pemegang gadaian yang diendors di dalam dokumen hakmilik daftar (DHD) akibat daripada urusan serah balik dan bermilik semula yang tidak diteruskan atau dibatalkan, selaras dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN) melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

#### **Latar Belakang**

2. Dalam aspek pembangunan tanah di bawah urusan serah balik dan bermilik semula, perenggan 204C(1)(d) mensyaratkan hanya tanah-tanah yang bebas daripada apa-apa kepentingan berdaftar sahaja yang boleh diluluskan bagi tujuan ini. Namun demikian subseksyen 204GA(1) memberi kelonggaran bagi tanah yang terikat dengan gadaian boleh diuruskan untuk pembangunan secara serah balik dan bermilik semula dengan syarat pemegang gadaian (*chargee*) memberikan persetujuan secara bertulis kepada permohonan tersebut. Persetujuan tersebut hendaklah dicatatkan dalam DHD oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah bertujuan memberi notis bahawa pemegang gadaian telah memberi persetujuan kepada tuanpunya tanah atau pemohon untuk urusan pembangunan tanahnya melalui serah balik dan bermilik semula ini.

3. Sebelum pindaan kepada KTN tersebut di atas, tiada peruntukan bagi Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah untuk membatalkan catatan persetujuan pemegang gadaian daripada DHD sekiranya:-

- 3.1. Tuanpunya tanah atau pemohon menarik balik permohonannya; atau
- 3.2. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) menolak permohonan tersebut; atau
- 3.3. Kelulusan PBN itu tidak dipersetujui oleh tuanpunya tanah atau pemohon.

Keadaan ini telah merumitkan Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah untuk bertindak bagi membatalkan catatan yang telah diendors sebelum ini.

#### **Tindakan Pembatalan Catatan Di Dalam Dokumen Hakmilik Daftar**

4. Dengan pindaan KTN melalui Akta A1333, peruntukan subseksyen 204GA(1A) menetapkan Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah membatalkan catatan persetujuan pemegang gadaian di dalam DHD.

#### **Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa**

5. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan mula berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333.



**(DATO' ABD. HALIM BIN AIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6

Tarikh: 1 Jun 2009